

covid-19

Beri 30k dos vaksin

Fasa 4 Pick kawalan wabak di kawasan industri diaktifkan

Oleh Rafidah Mat Ruzki
dan Luqman Ariff
Abdul Karim
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Kerajaan sudah mengaktifkan Fasa 4 Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) kawalan wabak di kawasan industri dengan pemberian kira-kira 30,000 dos vaksin Covid-19 kepada pekerja industri yang beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, berkata, ia adalah keputusan bersama Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin (JKAV).

Beliau berkata, satu pusat pemberian vaksin (PPV) akan dibuka dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) manakala pelabuhan bermaula esok.

Katanya, pelabuhan akan mula dibuka di beberapa sektor yang perlu terus beroperasi sepanjang PKP 3.0 ketika ini.

"Selepas itu PPV industri akan dibuka kepada sektor lain iaitu pembinaan, perdagangan, peruncitan dan hospitaliti.

"Ia akan digerakkan se-



**“
Tindakan ini
penting untuk kita
mengimbangkan
hidup dan
kehidupan**

Khairy

cara berperingkat-peringkat ba-gi memastikan setiap sektor yang beroperasi akan dapat dilindungi daripada wabak," katanya pada sidang media Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (BTIF) di sini, semalam.

Khairy berkata, peningkatan kes harian serta kluster

PPV industri akan dibuka kepada sektor lain iaitu pembinaan, perdagangan, peruncitan dan hospitaliti.

membabitkan tempat kerja menyaksikan keputusan kerajaan menyegearkan pelaksanaan fasa empat Pick itu.

Justeru, katanya, kawalan wabak dilaksanakan dalam sektor kritikal yang menjadi asas tulang belakang kepada pembangunan ekonomi negara.

"Tindakan ini penting un-

tuk kita mengimbangkan hidup dan kehidupan. Jika kita lihat data kes harian Covid-19 semalam, sebanyak 11 kluster baharu di-kesan di tempat kerja daripada sejumlah 15 kluster baharu keseluruhan. Ia membabitkan bilangan kes positif baharu hampir 200 kes," katanya.